

7.8.2020

## KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

### **EMPANGAN TELUK BAHANG: KAPASITI LUAR BIASA RENDAH DISEBABKAN KURANG HUJAN SEJAK 12 BULAN LALU**

- **Hujan di kawasan tadahan air Empangan Teluk Bahang dalam tempoh 1.8.2019 - 31.7.2020 adalah 4,466 mm, berbanding purata 3 tahun 6,411mm untuk tempoh yang sama pada tahun 2017, 2018 dan 2019.**
- **Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan 16 operasi pembenihan awan untuk meningkatkan kapasiti efektif Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang dan Empangan Mengkuang.**

PULAU PINANG, Jumaat, 7.8.2020: Kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang adalah rendah disebabkan oleh hujan yang luar biasa rendah, berikutan perubahan iklim, dalam tempoh 12 bulan yang lalu.

Dalam tempoh 1.8.2019 – 31.7.2020, jumlah hujan yang dicatatkan di kawasan tadahan Empangan Teluk Bahang adalah 4,466 mm. Jumlah hujan ini adalah 30.3% lebih rendah berbanding purata hujan 6,411mm untuk tempoh sama bagi 3 tahun iaitu pada tahun 2017, 2018 dan 2019.

Perlu dinyatakan juga bahawa kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang telahpun rendah pada awal tahun 2020.

Kapasiti efektifnya adalah 41.8% pada 1.1.2020, iaitu 50.3% lebih rendah daripada purata 92.1% untuk tempoh 2017 – 2019.

Kesimpulan yang logik adalah bahawa perubahan iklim menyebabkan hujan yang sedikit di kawasan tadahan air empangan.

Oleh itu, kapasiti efektifnya telah menurun kepada 19.2% pada 6.8.2020. Ini adalah kapasiti efektif terendah yang dicatatkan sejak empangan ini mula beroperasi pada tahun 1999.

Walau bagaimanapun, Empangan Teluk Bahang adalah empangan yang besar. Dengan kapasiti efektif 19.2%, ia dapat menyokong perkhidmatan bekalan air berterusan selama 59 hari (tanpa hujan), di kawasan liputannya. Kawasan liputan utama empangan ini adalah bandar Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan kawasan sekitar Tanjung Bungah.

Sekiranya ada hujan di kawasan tadahan airnya, kapasiti efektif empangan dan jumlah hari bekalan akan meningkat secara automatik.

### **Pembenihan Awan untuk Mencetuskan Hujan di Empangan Teluk Bahang**

Sejak 25.4.2020, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjalankan operasi pembenihan awan untuk mencetus hujan di kawasan tadahan air di Pulau Pinang dan Kedah, serta Sungai Muda. Langkah kontingensi ini dilakukan, atas cadangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), untuk “memastikan” perkhidmatan bekalan air berterusan di Pulau Pinang dan Kedah.

Dalam tempoh 25.5.2020 – 10.7.2020, 8 operasi pembenihan awan telah dilaksanakan. Hasilnya, kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Mengkuang telah masing-masing mencatatkan 46.1% dan 87.6% pada 6.8.2020.

Bagaimanapun, hujan agak kurang di Teluk Bahang.

Oleh itu, 8 operasi pembenihan awan dijadualkan akan dilakukan tidak lama lagi. 8 operasi pembenihan awan ini secara khusus bertujuan untuk meningkatkan kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang.

8 operasi ini akan dilaksanakan pada hari-hari ketika keadaan cuaca paling sesuai, oleh syarikat swasta yang disyorkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

## **Pelan Kontingensi yang dilaksanakan oleh PBAPP sejak 1.1.2020**

PBAPP telah melaksanakan pelan kontingensi berikut untuk memastikan liputan bekalan air yang baik di Pulau Pinang sejak 1.1.2020:

1. Memantau kapasiti empangan di Pulau Pinang dan Kedah, serta paras air Sungai Muda, setiap hari;
2. Meminimumkan pelepasan air harian dari Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam;
3. Memaksimumkan abstraksi air dari Sungai Muda di Muka Sauk Lahar Tiang dan mengepam air mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Muda untuk pengeluaran air terawat;
4. Mengoptimumkan pengeluaran air dari Loji Rawatan Air Sungai Dua di Seberang Prai dan mengepam lebih banyak air terawat dari loji itu ke pulau, menerusi saluran paip dasar laut, untuk memastikan kecukupan bekalan air;
5. Pelepasan air mentah dari Empangan Mengkuang untuk menyokong pengeluaran air di Loji Rawatan Air Sungai Dua jika perlu;
6. Mengurangkan pelepasan air terawat dari semua kolam air di negeri ini dari tengah malam sehingga 6.00 pagi setiap hari;
7. Menangani masalah bekalan air sekejap-sekejap di beberapa kawasan di hujung saluran paip dan tanah tinggi; dan
8. Mengeluarkan 9 siaran media sebelum ini untuk memaklumkan orang ramai masalah kapasiti simpanan empangan yang rendah di Pulau Pinang dan Kedah, dan menggalakkan penjimatan air (bertarikh 15.1.2020, 29.1.2020, 14.2.2020, 18.2.2020, 11.3.2020, 15.4.2020, 28.4.2020, 22.5.2020 and 28.5.2020, seperti yang dimuatkan di [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my)).

Ringkasnya, PBAPP telah menguruskan bekalan air di Pulau Pinang, 24/7, dengan status “berwaspada” sejak 1.1.2020.

Kami akan terus menjalankan tanggungjawab kami untuk membekalkan air di Pulau Pinang dengan sebaiknya. Lebih banyak hujan diramalkan pada akhir Ogos dan September 2020. Pulau Pinang juga melaksanakan 8 operasi pembenihan awan tambahan di Empangan Teluk Bahang.

Harap maklum bahawa kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang hanya akan meningkat jika terdapat lebih banyak hujan di kawasan tadahan air tertentu empangan. Hujan di kawasan lain di negeri ini mungkin tidak memberi kesan terhadap kapasiti efektif empangan.

Jadi, jika kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang terus menurun, PBAPP akan melaksanakan tindakan kecemasan, mengikut keperluan.

Akhir sekali, kami merayu rakyat Pulau Pinang sekali lagi, untuk menggunakan air secara berhemat sehingga kapasiti efektif semua empangan kembali normal. Usaha anda untuk jimat air di rumah dan tempat kerja akan banyak membantu mengelakkan kekurangan air di negeri kita ini.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : syarifah@pba.com.my